

20 MAR 2004

Pilihan Raya-Mahathir (Perlis)

MAHATHIR GESA TEMUI PENGUNDI YANG BELUM BUAT KEPUTUSAN

KANGAR, 20 Mac (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad menggesa jentera Barisan Nasional (BN) memanfaatkan ruang kempen yang semakin singkat untuk bertemu para pengundi yang masih belum membuat keputusan mengenai parti yang akan diundi pada pilihan raya umum esok.

Bekas Perdana Menteri berkata, mereka perlu bekerja keras bagi memastikan para pengundi berkenaan memberi sokongan kepada calon BN.

Berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Dewan Besar Kompleks Warisan di sini hari ini, beliau berkata, BN masih perlu memerintah negara ini demi kepentingan rakyat dan masa depan negara.

Beliau bimbang dengan pengundi yang masih belum membuat keputusan berikutan taktik pembangkang yang mendakwa memilih Pas adalah sejajar dengan perjuangan Islam.

Menurutnya, BN yang dianggotai komponen parti yang mewakili rakyat berbilang kaum adalah contoh kerjasama yang baik kerana masing-masing tidak mempunyai sikap tamak atau ingin membolot kuasa.

Sementara itu, Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim dalam ucapannya sebelum itu berkata, kesemua tiga kerusi parlimen di Perlis adalah "putih" manakala kesemua 15 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) boleh dimenangi BN.

Katanya, berasaskan perkembangan terbaru, para pengundi di Perlis bersedia memberi mandat kepada BN untuk terus menerajui negeri ini.

Pada pilihan raya umum lalu, BN memenangi 12 kerusi DUN manakala tiga lagi tewas kepada Pas iaitu Sanglang, Guar Sanji dan Santan.

Perlis mempunyai 112,482 pengundi yang sebahagian besarnya adalah Melayu.

-- BERNAMA

AD BK